

VIP Pilihan KBS tewaskan VIP Pilihan UMS 2-1

UB 12.10.2016 A16

Oleh VITALIS G.
BINGKASAN

KOTAKINABALU: Pasukan VIP Pilihan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) Sabah telah mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan VIP Pilihan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di padang rumput tiruan UMS baru-baru ini.

Perlawanan persahabatan itu bertujuan memberi peluang kepada pemimpin kanan KBS Sabah melihat dan merasai sendiri kemudahan padang rumput tiruan UMS yang baru siap dibina dan



TAWFIQ (empat dari kiri) dan Harun (tengah) menunjukkan cenderakenangan masing-masing sebelum perlawanan.

telah mendapat pengiktirafan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

Antara yang membarisi

pasukan VIP Pilihan KBS Sabah adalah menterinya, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan, Setiausaha Tetap

Awang Damit Awang Anak, Pengurus Besar Lembaga Sukan Negeri Sabah Penyuki Matta dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Sabah Terrance Pudin.

Pasukan VIP Pilihan UMS pula dibarisi Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Prof Madya Dr. Ismail Ali dan Pendaftar UMS Norman Datuk Ahmad.

Perlawanan yang juga bertujuan merapatkan hubungan UMS dan KBS Sabah itu dimenangi pasukan VIP Pilihan KBS 2-1.